



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 6 TAHUN 2011

PENCAPAIAN DASAR SATU PERATUS PELUANG PEKERJAAN DALAM PERKHIDMATAN KEPADA ORANG KURANG UPAYA

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 16 Tahun 2010 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan dengan pindaan sebagaimana berikut:-

Perkataan

Persekutuan

Kerajaan Malaysia

Diganti Dengan

Negeri

Kerajaan Kelantan

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

(DATO HAJI ISMAIL BIN SAMAH)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 05 Syaaban 1432H Bersamaan
07 Julai 2011

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 9(30)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan :

- 1) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- 2) Ketua Pengurusan
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- 3) Semua Ketua Unit/Bahagian
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2010

**PENCAPAIAN DASAR SATU PERATUS PELUANG PEKERJAAN
DALAM PERKHIDMATAN AWAM KEPADA ORANG KURANG UPAYA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya dan langkah-langkah *affirmative* yang perlu diambil oleh suruhanjaya, kementerian serta agensi di bawah kementerian bagi mempercepat pencapaian dasar tersebut.

LATAR BELAKANG

2. Dasar yang memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 (PP 3/2008). Dasar ini dilaksanakan selaras dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi keupayaan modal insan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya bagi OKU dan merealisasikan hasrat menjadikan rakyat Malaysia sebagai masyarakat penyayang. Melalui dasar ini, OKU yang memiliki kelayakan akademik dan kemahiran yang

sesuai dengan bidang tugas suatu jawatan akan dipertimbangkan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

3. Selaras dengan usaha kerajaan untuk mempercepat pencapaian dasar ini, pelaksanaannya diperkemas melalui langkah-langkah *affirmative* dan pemantauan berterusan oleh suruhanjaya selaku pihak berkuasa melantik serta kementerian dan agensi di bawah kementerian sebagai agensi yang akan menerima OKU bekerja.

DEFINISI

4. Bagi tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“Orang Kurang Upaya (OKU)” berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2007 adalah termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“penyesuaian munasabah” bermaksud pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa mengenakan bebanan yang tidak seimbang atau tidak wajar, sekiranya diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan OKU menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya; dan

“Suruhanjaya” bermaksud suatu suruhanjaya perkhidmatan yang berkuasa untuk melantik seseorang pegawai berkhidmat dengan agensi awam, termasuklah Ketua Jabatan yang diwakilkan kuasa melantik oleh

suruhanjaya atau diberi kebenaran untuk melantik mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

DASAR PENGAMBILAN

5. Dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU menetapkan bahawa **setiap agensi** hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat **sekurang-kurangnya satu peratus** daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar ini diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa.

6. Walau bagaimanapun, pencapaian dasar ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan kepada suruhanjaya atau melalui pengenalpastian oleh kementerian atau agensi di bawah kementerian. Pelantikan OKU dibuat berdasarkan calon memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam suatu skim perkhidmatan, kesesuaian calon dengan bidang tugas jawatan serta kemudahan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan.

PERMOHONAN PEKERJAAN

7. Bagi tujuan memohon pekerjaan dalam perkhidmatan awam:

- (i) OKU **perlu terlebih dahulu berdaftar** dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pendaftaran ini penting bagi suruhanjaya mengesahkan status seseorang calon sebagai OKU dalam urusan pengambilan. Selain itu, maklumat tersebut juga berguna dalam pemantauan pencapaian dasar satu peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU;

- (ii) OKU disaran supaya **memohon terus** kepada suruhanjaya menerusi sistem pengambilan secara *online*, borang permohonan atau kaedah-kaedah lain yang ditetapkan oleh suruhanjaya. Dalam hal ini, OKU perlu memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan serta memaklumkan status OKU dalam permohonannya; dan
- (iii) OKU boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada JKM mengenai cara membuat permohonan pekerjaan kepada suruhanjaya.

PROSEDUR PENGAMBILAN

- 8. Suruhanjaya hendaklah menimbang pelaksanaan langkah-langkah berikut:
 - (i) **menyediakan ruangan** bagi OKU menyatakan status dan kategori ketidakupayaannya dalam sistem pengambilan secara *online*, borang permohonan atau apa-apa kaedah lain yang diguna pakai oleh suruhanjaya;
 - (ii) **hanya mengenakan syarat minimum** kepada OKU dalam tapisan pengambilan berdasarkan syarat lantikan yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan;
 - (iii) **melantik panel penemu duga** yang salah seorang ahli terdiri daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai yang berpengalaman dalam pengurusan OKU bagi urusan pengambilan yang melibatkan calon OKU; dan

- (iv) **melaksanakan penyesuaian munasabah** dalam urusan pengambilan terutamanya tapisan temu duga supaya calon OKU mudah menjalani proses pengambilan yang ditetapkan.

PERANAN KEMENTERIAN

9. Kementerian hendaklah:

- (i) memaklumkan suruhanjaya mengenai kekosongan jawatan di kementerian dan jabatan serta status, kategori dan ciri-ciri OKU yang sesuai bagi sesuatu jawatan mengikut garis panduan mengenai pepadanan jawatan dengan status keupayaan OKU (*job match*) yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu, Ketua Jabatan berdasarkan perwakilan kuasa atau kuasa yang diperuntukkan mengikut peraturan yang berkenaan boleh mengenal pasti calon OKU yang sesuai dan berdaftar dengan JKM untuk dipertimbangkan pelantikan;

- (ii) melaksanakan aktiviti suai kenal di tempat kerja meliputi penerapan sikap saling menghormati dan saling memahami di antara OKU, Ketua Jabatan dan rakan sekerja supaya OKU dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja dan organisasi;
- (iii) menyediakan kemudahan dan persekitaran yang sesuai melalui penyesuaian yang munasabah supaya OKU dapat bekerja dan menyumbang secara produktif kepada organisasinya; dan

- (iv) memastikan maklumat pencapaian pekerjaan OKU dalam perkhidmatan awam dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 Januari dan 1 Julai pada setiap tahun mengikut format di **Lampiran A**.

PEMANTAUAN

- 10. Semua kementerian bertanggungjawab memantau pencapaian pelaksanaan dasar satu peratus peluang pekerjaan kepada OKU dalam organisasinya dan agensi di bawah kementerian bagi memastikan matlamat dasar ini dicapai.

PEMAKAIAN

- 11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini terpakai kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa berkenaan disarankan untuk sama-sama menjayakan dasar ini supaya pelaksanaan keputusan kerajaan ini dapat dikuat kuasakan dengan seragam dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

PEMBATALAN

- 12. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, PP 3/2008 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh: **15** Disember 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran A

MAKLUMAT PENCAPAIAN PEKERJAAN ORANG KURANG UPAYA DI KEMENTERIAN/ SUK/ AGENSI

KEMENTERIAN/ SUK/ AGENSI: _____

TEMPOH : JANUARI - JUN / JULAI - DISEMBER* TAHUN _____

*Potong yang tidak berkenaan

JUMLAH PENGISIAN KESELURUHAN: _____

SASARAN PENGISIAN OKU: _____

Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah OKU												
	Keseluruhan	Mengikut Jantina		Mengikut Kategori Ketidakupayaan							Mengikut Taraf Pelantikan		
		Lelaki	Wanita	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	Tetap	Sementara	Kontrak Lain-lain (Sambilan & PKS)
Pengurusan Tertinggi													
Pengurusan & Profesional													
Sokongan													
JUMLAH													

Rujukan Kategori Ketidakupayaan OKU:

Kategori 1 (K1) : Kurang Upaya Penglihatan
 Kategori 2 (K2) : Kurang Upaya Pendengaran
 Kategori 3 (K3) : Kurang Upaya Pertuturan
 Kategori 4 (K4) : Kurang Upaya Fizikal
 Kategori 5 (K5) : Masalah Pembelajaran
 Kategori 6 (K6) : Kurang Upaya Mental
 Kategori 7 (K7) : Kelainan Upaya Pelbagai